



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAMAT TEMPOH LESEN KENDERAAN PELANCONGAN BAGI SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

1. JENIS-JENIS PENAMATAN TEMPOH LESEN KENDERAAN PELANCONGAN (BAS PERSIARAN & KERETA SEWA DAN PANDU)

1.1. Penamatan tempoh lesen yang masih berkuatkuasa.

Syarikat tidak lagi berminat untuk menjalankan perniagaan bas persiaran/ kereta dan sewa pandu.

1.2. Penamatan tempoh lesen yang telah tamat sah tempoh.

Syarikat tidak bercadang untuk memperbaharui lesen yang telah atau bakal tamat tempoh sah laku.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pemohon hendaklah menjelaskan semua kompaun yang dikenakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594].

3. DOKUMEN SOKONGAN

3.1. Salinan asal lesen kenderaan pelancongan (bas persiaran / kereta sewa dan pandu) yang hendak ditamatkan tempoh lesen;

3.2. Surat permohonan dari syarikat yang ditandatangani oleh pengarah syarikat bagi menyatakan sebab permohonan penamatan tempoh lesen dibuat;

3.3. Salinan sijil pemilikan kenderaan daripada JPJ; dan

3.4. Salinan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*).

Nota:

Pihak Kementerian hanya akan mengeluarkan salinan lesen yang telah ditamatkan tempoh lesen setelah permohonan diluluskan.

4. TATACARA PERMOHONAN

- 4.1. Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui sistem Tourism Licensing & Enforcement System (TOURLIST) di laman sesawang www.tourlist.gov.my.
- 4.2. Semua dokumen seperti dinyatakan di perenggan 3 hendaklah dimuatnaik ke dalam TOURLIST.

5. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Keputusan permohonan boleh disemak melalui TOURLIST dan lesen yang telah ditamatkan tempoh lesen boleh dicetak melalui TOURLIST.

6. PIAGAM PELANGGAN

6.1. Pemprosesan permohonan di Pejabat MOTAC Negeri:

7 hari bekerja dari permohonan lengkap, teratur dan sempurna oleh syarikat tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat, dasar serta prinsip yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini untuk dikemukakan ke Ibu Pejabat Putrajaya.

6.2. Pemprosesan permohonan di Ibu Pejabat Putrajaya:

7 hari bekerja setelah permohonan diterima daripada Pejabat MOTAC Negeri.

7. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Disember 2025.